

FPP

June - November 2024

# BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

*Peningkatan Produk*

## TEBALOI

## work-life BALANCE

## The Power of PHYSIOTHERAPY

## wanita dan MOTOSIKAL

*sustainable*  
**SKINCARE**

## Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date  
25 October 2024

# SCAM – PENIPUAN SECARA ATAS TALIAN

Fauziana Fauzi @ Mat Rawi, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Selangor, Malaysia

Kes kecurian langsung seperti pecah rumah, kecurian kenderaan dan rompakan barang kemas sudah jarang dilaporkan di media – media arus perdana. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh wujudnya kamera CCTV di mana – mana sahaja. Maka setiap pergerakan individu dapat dipantau dan diawasi dengan mudah. Malah, imej yang dipaparkan di kamera CCTV ini juga amat jelas, membolehkan tangkapan dibuat segera. Kadangkala bukti – bukti salah – laku juga dirakam oleh individu persendirian hanya dengan menggunakan telefon pintar sahaja. Tambahan pula, perubahan zaman yang seiring dengan kemajuan teknologi telah merubah corak serta strategi rompakan dan penipuan. Ianya kini dilakukan secara atas talian atau lebih dikenali sebagai “scam”.

Saban hari terdapat rakyat Malaysia yang discam melalui saluran media sosial seperti Facebook, Tiktok, Telegram, Whatsup serta Instagram oleh individu yang dikenali sebagai “scammer”. Saluran – saluran ini dijadikan sasaran kerana ianya dapat diekses dengan mudah dan hampir semua penduduk Malaysia mempunyai akaun media sosial. Malah, “scammer” juga turut bergiat aktif dengan menelefon mangsa – mangsa mereka. Lebih membimbangkan lagi didapati AI Generatif dan teknologi ‘deepfake’ dikenal pasti sebagai antara punca yang menyumbang kepada peningkatan kes penipuan dalam talian pada tahun ini. Hampir setiap hari kes – kes kehilangan duit dalam kuantiti yang banyak telah dilaporkan. Bukan hanya ratusan, malah ribuan hingga mencecah jutaan ringgit. Jumlah kerugian jenayah penipuan dalam talian mencecah lebih RM2.6 billion dalam tempoh kurang tiga tahun. Sebanyak 266,230 kes penipuan dalam talian dilaporkan oleh mangsa membabitkan akaun keldai bagi tahun 2020 hingga Jun tahun 2024. Mangsa – mangsa mereka terdiri daripada pelbagai golongan. Tidak kira tua, muda, wanita, lelaki malah pesara juga.

Antara modus operandi yang agak popular ialah, penjenayah akan menelefon mangsa dan menyamar sebagai individu – individu penting di sesebuah syarikat serta badan – badan kerajaan. Mereka akan mewujudkan kes – kes kecemasan yang memerlukan mangsa memasukkan sejumlah besar wang untuk mengelakkan daripada didenda, ditangkap serta dikenakan tindakan berat oleh pihak polis contohnya. Mangsa yang cemas dan takut ini tidak akan berfikir panjang dan terus mengikut arahan pemanggil. Sebagai contoh, pemanggil akan memperkenalkan dirinya sebagai pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan memaklumkan bahawa nombor telefon mangsa telah terbabit dalam kegiatan jenayah. Sekiranya mangsa gagal mengikut arahan yang diberikan, talian tersebut akan disekat atau disenarai hitam. Kadang – kalanya penjenayah ini juga berselindung di sebalik penjualan produk – produk tertentu yang diiklankan di media – media sosial. Pengguna yang tertarik dengan produk tersebut akan segera membuat transaksi pemindahan wang ke akaun penjenayah. Namun, apabila produk tersebut diterima oleh pelanggan, kualiti barang tersebut tidak setimpal dengan harga yang dibayar. Kadang – kala produk yang diiklankan itu sebenarnya tidak wujud.

Gaya hidup masyarakat yang agak sibuk kini telah menjadikan pembelian secara atas talian semakin popular. Pelbagai barang dipesan secara atas talian termasuk makanan dan pakaian. Selain menjimatkan masa, pembelian secara atas talian juga dapat menjimatkan kos minyak petrol serta lebih menyeronokkan kerana terdapat lebih banyak pilihan produk sama ada dari dalam atau luar negara.

Walaupun terdapat platform – platform khusus seperti “Shopee” dan “Lazada” yang lebih selamat, rakyat Malaysia masih gemar membeli di media sosial seperti “Facebook”, “Tik Tok” dan “Instagram”. Platform ini adakalanya tidak selamat kerana wujud individu – individu tertentu yang ingin mengambil kesempatan. Pembelian di platform seperti “Shopee” contohnya lebih selamat kerana ianya dipantau. Sekiranya barang yang diterima tidak seperti yang diinginkan oleh pengguna, barang tersebut boleh dikembalikan semula kepada penjual. Di “Shopee”, duit hanya akan diberikan kepada penjual sebaik sahaja pembeli mengesahkan penerimaan barang mereka.

Terdapat juga mangsa yang terlibat dengan “Love Scam”. Penjenayah akan membuat profil peribadi dengan gambar yang dicuri dan menyasarkan individu – individu kaya yang sedang mencari pasangan. Mereka memberikan ayat – ayat manis, serta janji – janji palsu untuk mengahwini individu ini dan meminta mereka untuk memasukkan sejumlah wang kerana sedang menghadapi kesulitan. Individu yang sedang dilamun cinta ini tanpa syak wasangka akan terus memindahkan duit ke akaun penjenayah dan menyedari dirinya ditipu setelah penjenayah gagal dihubungi selepas itu. Sebanyak 82 peratus atau 6,251 mangsa adalah Wanita. Tidak kurang juga individu – individu yang ditipu melalui proses jual – beli hartanah serta melalui saham. Baru – baru ini terdapat influencer terkenal telah mengumpul wang daripada masyarakat dengan mewujudkan “crowd fund” untuk mangsa banjir yang jumlahnya mencecah ribuan malah jutaan ringgit.

Pihak polis mendapati bahawa kesedaran masyarakat terhadap ancaman penipuan dalam talian masih berkurangan walaupun pelbagai kempen kesedaran dilaksanakan oleh pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pihak polis. Tahap kesedaran yang rendah dan terlalu mudah percaya menyebabkan ramai individu, terutamanya wanita, menjadi mangsa penipuan dalam talian. Insiden ini berlaku disebabkan mangsa-mangsa kes tiada maklumat akan modus operandi sindiket penipuan seperti Macau Scam, Love Scam, e-dagang serta pinjaman yang tidak wujud. Malah ada yang menyamar dengan menggunakan gambar profil rakan mangsa. Kebanyakan mangsa juga mengambil sikap mudah untuk tidak buat laporan polis kerana kerugian yang dialami sedikit, contohnya RM50 sedangkan sindiket terbabit masih berleluasa.

Rakyat Malaysia hendaklah sentiasa berwaspada untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan. Kegiatan penipuan atas talian ini harus dibanteras segera.

#### Rujukan:

- Abd Razak Mohd Ali (2022). Kesedaran rendah, mudah percaya punca mangsa penipuan dalam talian. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesedaran-rendah-mudah-percaya-punca-mangsa-penipuan-dalam-talian-di-perak-341787>.
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (2024). Tak ambil tahu isu semasa punca terjebak 'love scam'. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2024/06/1260828/tak-ambil-tahu-isu-semasa-punca-terjebak-love-scam>.
- Ahmad Ismadi Ismail (2024). MCCA dedah punca kes scam meningkat. <https://www.sinarharian.com.my/article/648130/berita/nasional/mcca-dedah-punca-kes-scam-meningkat>.
- Bernamea (2023). Panik, tamak antara punca mangsa jenayah 'scam' semakin meningkat. [https://www.hmetro.com.my/itmetro/2023/12/1045539/panik-tamak-antara-punca-mangsa-jenayah-scam-semakin-meningkat#google\\_vignette](https://www.hmetro.com.my/itmetro/2023/12/1045539/panik-tamak-antara-punca-mangsa-jenayah-scam-semakin-meningkat#google_vignette).
- Nina Rozman (2024). AI Generatif menyumbang kepada peningkatan penipuan dalam talian – Pakar. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ai-generatif-menyumbang-kepada-peningkatan-penipuan-dalam-talian-pakar-478720>



eISSN 2600-9811



9 772600 981003

**BizNewz 2024**  
**Faculty of Business and Management**  
**Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun**  
**Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA**  
**Tel: +609-8400400**  
**Fax: +609-8403777**  
**Email: biznewzuitm@gmail.com**